



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

SYARAT-SYARAT LESEN BAGI ALAT ANDANG, ANDANG JARANG, ANCAU, PUKAT DUAI/PANAU, PEGUYUT, PUKAT KIKIS, RAMBAT, PUKAT KAMBURA, PUKAT KUASI, RANTAU, SADAK/TANGGOK, BUBU, JAUL, RAWAI DAN KABAT

1. Kad lesen nelayan mestilah dibawa bersama semasa beroperasi menangkap ikan.
2. Bagi nelayan-nelayan bersyarikat dan menggunakan pekerja asing serta nelayan-nelayan sambilan yang baru memohon tidak boleh beroperasi menangkap ikan dikawasan Zon1 (0-3 batu nautika dari pantai atau daratan yang berdekatan).
3. Tidak di benarkan beroperasi menangkap ikan di Kawasan lingkungan 500 meter daripada sangkar ikan terapung di kawasan luar pantai.
4. Udang Bakara yang bertelur / saiz panjang kepala (Carapace) berukuran 7.5cm (3 inci) / kurang daripadanya adalah ditegah untuk ditangkap. Sekiranya tertangkap semasa melakukan operasi penangkapan, ia mestilah dilepaskan semula dengan serta merta tanpa merosakkan kepada udang bakara berkenaan.
5. Penahanan Bubu tidak boleh diusahakan dengan menggunakan alat-alat selam.
6. Alat Bubu tidak boleh ditahan di Kawasan takat-takat tiruan.
7. Semua spesis Ikan Yu adalah ditegah untuk ditangkap. Sekiranya tertangkap semasa melakukan operasi penangkapan, ia mestilah dilepaskan semula dengan serta merta tanpa merosakkan kepada Ikan Yu berkenaan.
8. Alat Rantau tidak boleh dikendalikan oleh nelayan-nelayan yang terdiri daripada pekerja asing.
9. Alat Rantau tidak dibenarkan beroperasi di dalam kawasan -kawasan perlaluan kapal.
10. Semasa beroperasi menangkap ikan, alat rantau mestilah dipasang lampu pada bahagian hujung dan pangkalnya.
11. Sebarang alat andang tidak dibenarkan untuk ditunda dengan menggunakan perahu atau dengan apa cara sekalipun semasa beroperasi menangkap ikan.
12. Tidak dibenarkan menghampiri atau menangkap ikan di kawasan 500 meter dari sangkar ternakan ikan luar pantai.
13. Tidak dibenarkan menghampiri atau meangkap ikan di kawasan 30 meter dari sangkar ternakan ikan persisiran pantai.

NOTA DAN PERINGATAN

- Pegawai-pegawai Jabatan Perikanan yang diberikuasa mestilah dibenarkan untuk menjalankan pemeriksaan pada bila-bila masa.
- Pemilik lesen atau pekerja-pekerjanya mestilah memberikan maklumat-maklumat setiap kali ianya dipinta oleh pegawai-pegawai Jabatan Perikanan yang diberikuasa.

- Bagi nelayan-nelayan bersyarikat dan menggunakan pekerja asing serta nelayan-nelayan sambilan yang baru, adalah disarankan membawa alat elektronik iaitu Global Positioning System (GPS) dan Peta Perikanan Ikan 5-114/83 dan Peta Perikanan 5-115/83 semasa beroperasi menangkap ikan dilaut.
- Tidak dibenarkan beroperasi menangkap ikan dalam lingkungan 500 meter daripada pelantar-pelantar minyak dan gas serta berdekatan saluran paip gas dan minyak luar pantai Negara Brunei Darussalam.
- Perahu yang digunakan mestilah mempunyai sijil pendaftaran yang sah yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam.
- Pengarah Perikanan berhak dan boleh menambah atau mengubah syarat-syarat ini mengikut keperluan dari masa ke semasa.
- Syarat-syarat lain adalah seperti yang dikuatkuasakan dibawah Perintah Perikanan, 2009 dan Peraturan-Peraturan Perikanan yang ada.
- Kegagalan mematuhi syarat-syarat lesen alat menangkap ikan boleh di ambil tindakan dibawah Perintah Perikanan, 2009.

Saya dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat yang tersebut di atas.

Nama : _____.

Jawatan : _____.

Syarikat : _____.

Alamat : _____

No. Kad Pengenalan : _____.

Tandatangan : _____.

Tarikh : _____.

=====

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT


Pegawai Yang Diberikuasa :

Nama : _____

Jawatan : _____

Tandatangan : _____

Tarikh : _____



COP SYARIKAT



COP JABATAN